| | |
|---|---|
| **TARIKH** | RABU, 20 NOVEMBER 2019 |
| **AKHBAR** | HARIAN METRO |
| **TAJUK ARTIKEL** | PASANG 25 ALAT TVOC |
| **M/S** | 18 |
| **BIDANG** | MESTECC |
| **KATA KUNCI** | TVOC |

# Pasang 25 alat TVOC

## *Peranti bernilai RM2.52 juta pantau kualiti udara Pasir Gudang*

Oleh Ibrahim Isa
am@hmetro.com.my

**Pasir Gudang**

Kawasan perindustrian Pasir Gudang menjadi lokasi pertama dilengkapi 25 alat pengukur gas automatik TVOC (sebation organik tidak menentu) dan pengesan pemfotoionan (PID) bertujuan memantau kualiti udara di kawasan berkenaan.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata, pemasangan alat bernilai RM2.52 juta itu dapat membina rangkaian sistem amaran tepat yang berperanan memberi amaran awal supaya tindakan penguatkuasaan boleh diambil secepat mungkin.

Beliau berkata, setakat ini 23 PID dipasang manakala selebihnya dipasang penghujung bulan ini.



YEO (tengah) bersama Dr Sahruddin pada sidang media, semalam.

"Selepas pemasangan PID, kita memerlukan tiga bulan bagi proses penentukuran asas...selepas itu baru sistem itu boleh digunakan dengan tepat.

"Pasir Gudang juga dijangka menjadi kawasan industri pertama di Malaysia yang dilengkapi dengan sistem amaran tepat masa untuk TVOC menjelang suku kedua tahun hadapan," katanya selepas Mesyuarat Khas Bagi Membincangkan Hasil Kajian Analisis Beban dan Kapasiti Penyimpanan di Pasir Gudang di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalannya, Isnaraissah Munirah Majilis, Menteri Besar Johor, Datuk Dr Sahruddin Jamal dan Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (Jas), Norlin Jaafar.

| | |
|---|---|
| **DISEDIAKAN OLEH** | **1-MOHD SHA AFFANDI BIN MD ARIPIN (N41), BPM**<br>**2-RAJA MUSFARIZAL BINTI RAJA MUHAMAD (S19), BPM**<br>UNIT PERKHIDMATAN MAKLUMAT, BPM |